

BAB ENAM

POLISI DAN PROGRAM MIGRASI

6.1 Pendahuluan

Fenomena migrasi penduduk dunia menunjukkan trend peningkatan dari tahun ke tahun. Terdapat kira-kira 175 juta orang tinggal di negara bukan tempat kelahiran mereka. Dari jumlah tersebut 60 peratus tinggal di negara-negara membangun, manakala 40 peratus tinggal di negara-negara tidak membangun (United Nations, 2002).

Kedatangan para imigran ini, pada peringkat awal amat diperlukan bagi memenuhi kekurangan buruh di sektor-sektor ekonomi tertentu. Namun begitu banjiriran mereka di pasaran buruh yang semakin meningkat, membimbangkan pihak kerajaan. Oleh itu kerajaan di pelbagai negara telah merangka dan melaksana pelbagai polisi dan program bagi mengawal kemasukan warga asing yang semakin meningkat.

Antara langkah yang diambil untuk tujuan ini ialah dengan memperkenalkan sistem kuota. Hanya pekerja asing dari negara tertentu, dengan jumlah dan peratusan yang berbeza, dibenarkan bekerja di sektor-sektor yang telah ditetapkan. Ada di kalangan mereka ini diberi hak dan layanan sama rata seperti pekerja-pekerja tempatan. Malah ada juga di kalangan mereka diberi status warganegara.

Di Malaysia kawalan kemasukan pekerja asing bermula sejak pendudukan British di Tanah Melayu. Pihak British telah memperkenalkan “Immigration Restriction Ordinance 1930” dan “The Aliens Ordinance 1933” bagi mengawal kemasukan imigran Cina yang kemudiannya dilanjutkan kepada semua imigran. Kemudiannya kedua-dua perundangan ini telah digabungkan di bawah Ordinan Imigresen 1953 (pindaan 1959) (Sanmuga, 1996).

Pada tahun 1969, bagi memudahkan urusan pengambilan pekerja asing, Kerajaan telah memperkenalkan satu undang-undang baru yang dikenali sebagai “Employment Regulation 1969 (Restriction and Employment Permit)”. Walaupun pada peringkat awal iaitu antara tahun 1957 – 1970, wujudnya perundangan mengenai imigrasi, namun ini tidak menghalang kemasukan mereka terutamanya pendatang tanpa izin di Malaysia. Tiada tindakan yang diambil oleh kerajaan bagi mengatasi keadaan ini dengan andaian keadaan bahawa kemasukan mereka ini hanyalah bersifat sementara (Moha Asri et. al., 1999).

Usaha bagi mengawal kemasukan buruh asing secara besar-besaran di Malaysia bermula pada tahun 1980-an. Pada bulan Januari 1980, Kerajaan telah meluluskan satu akta baru bagi membolehkan sektor swasta menubuhkan agensi-agensi khusus untuk mengambil buruh-buruh asing secara sah. Selain itu, pada 14 Julai 1982, di bawah Kementerian Dalam Negeri, satu Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing telah dibentuk untuk mengkaji dan meluluskan permohonan yang dibuat oleh agensi-agensi dan bakal-bakal majikan yang memerlukan khidmat pekerja-pekerja asing.

Bagi memenuhi kekurangan pekerja asing di sektor perladangan dan perkhidmatan domestik di Malaysia, satu perjanjian telah ditandatangani oleh Malaysia dan Indonesia pada bulan Mei 1984. Perjanjian ini dikenali sebagai Perjanjian Medan (Medan Agreement). Buruh-buruh dari Indonesia telah dibawa masuk secara sah bagi memajukan sektor perladangan dan perkhidmatan domestik negara.

Antara tahun 1985 – 1986, Kerajaan telah membenarkan agen-agen yang sah membawa masuk pekerja-pekerja dari beberapa buah negara seperti Filipina (pembantu rumah), Thailand (sektor perladangan dan pembinaan) dan Bangladesh (sektor perladangan). Walau bagaimanapun usaha membawa masuk pekerja-pekerja ini secara sah tidak berjaya mencapai objektif sepenuhnya. Pekerja asing yang masuk secara tidak sah terus membanjiri pasaran buruh di Malaysia.

Bagi memastikan hanya buruh asing yang sah sahaja dibenarkan bekerja di Malaysia, satu program telah diperkenalkan pada tahun 1989. Program ini dikenali sebagai Program Pemutihan Pekerja Asing Tanpa Izin Indonesia (PATII). Program ini memberi peluang kepada agensi dan majikan di sektor perladangan mengambil pekerja Indonesia yang datang secara tidak sah, mendaftarkan pekerja-pekerja ini kepada pihak berkuasa. Program ini telah dilanjutkan sehingga bulan Mei 1991. Walau bagaimanapun program ini tidak mendapat sambutan di kalangan agensi dan majikan kerana melibatkan pelbagai karenah birokrasi dan melibatkan kos dan masa yang panjang.

Pada 16 Oktober 1991, sebuah Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing telah dibentuk bagi menangani kebanjiran pekerja asing yang semakin meningkat. Selain itu bagi memastikan

pekerja-pekerja ini mempunyai permit pekerjaan yang sah, satu usaha untuk mendaftarkan pekerja ini telah diperkenalkan antara bulan November hingga Disember 1991. Bagi membolehkan pekerja-pekerja ini memperoleh permit pekerjaan yang sah, mereka perlu didaftarkan, mendapatkan dokumen perjalanan, menjalani pemeriksaan kesihatan serta lulus ujian yang telah ditetapkan.

Selain dari Jabatan Imigresen, pihak Polis Diraja Malaysia juga turut terlibat bagi melancarkan usaha mendaftar pendatang tanpa izin di seluruh negara. Pihak Polis telah melancarkan Ops Nyah I (operasi membanteras kemasukan pendatang tanpa izin) pada 3 Disember 1991 dan diikuti Ops Nyah II pada 30 Jun 1992 untuk tujuan ini. Hanya seramai 442,276 pendatang tanpa izin dari sektor perladangan, pembinaan dan perkhidmatan domestik, berjaya didaftarkan. Angka tersebut jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan anggaran yang diunjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri.

Bagi mengatasi masalah ini satu Jawatankuasa Penggajian Pekerja Asing di bawah Kementerian Sumber Manusia telah dibentuk pada 29 Oktober 1992. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menguruskan hal ehwal pengambilan pekerja asing di negara ini. Pada 7 Januari 1994 kemasukan pekerja asing mahir dan tidak mahir dibekukan. Pengecualian hanya diberikan untuk sektor kritikal dalam pembuatan dan pelancongan sahaja. Permit pekerjaan hanya dikeluarkan untuk pekerja asing yang tinggal lebih masa dari tempoh yang ditetapkan (overstayers).

Bagi membantu mengurangkan beban Jabatan Imigresen Malaysia dalam mengendalikan urusan pengambilan pekerja asing, satu Pasukan Petugas Khas Pekerja Asing telah ditubuhkan pada 15

Oktober 1994. Para majikan digalakkan mengambil pekerja asing yang ditahan di dalam kem-kem tahanan di seluruh negara. Sebanyak 2,000 pekerjaan sebagai pembantu rumah telah ditawarkan kepada lebih 9,000 orang tahanan. Dari jumlah ini hanya 11 pekerjaan telah diisi kerana ramai di kalangan tahanan lebih suka bekerja sebagai pekerja kilang. Cara pengambilan pekerja asing dari kem-kem tahanan telah dihentikan kerana mendapat tentangan dari Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia.

Pada 15 Ogos 1996 hingga 1 Januari 1997, Kerajaan telah melancarkan program pemutihan (regularisation exercise) buat kali kedua bagi mendaftarkan pekerja asing yang masuk secara haram terutamanya dari Indonesia, Thailand, Filipina, Bangladesh dan Pakistan. Seramai 554,941 pekerja asing berjaya didaftarkan di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia. Namun angka ini dianggarkan berjumlah lebih dari 1 juta orang (Handbook on Labour Migration in Malaysia, 1999).

Menyedari peningkatan angka ini, pada bulan Februari 1997 pihak PDRM telah melancarkan Ops Pintu di bawah Ops Nyah II yang tertumpu di sektor perkhidmatan domestik. Selain itu Kerajaan juga telah melancarkan Ops Bersepadu di bawah Ops Nyah I dengan menempatkan tentera dan pasukan sukarela di sempadan negara, darat dan laut, bagi membanteras kemasukan pendatang tanpa izin.

Pindaan ke atas Akta Imigresen juga telah dilakukan pada tahun 1997 dengan mengenakan penalti yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam pengambilan pekerja-pekerja asing secara haram. Pindaan terbaru telah dibuat

pada tahun 2002 dengan memperuntukkan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan memasuki negara secara tidak sah dan menggaji atau melindungi pendatang tanpa izin.

6.2 Langkah-Langkah Pengambilan Pekerja Asing

Badan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam mengendalikan urusan yang berkaitan dengan pekerja asing ialah Jabatan Imigresen Malaysia di bawah Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia. Namun begitu tanggungjawab yang besar dipikul oleh Jabatan Imigresen dalam melaksanakan dasar dan program yang telah dirangka.

Malaysia melaksanakan sistem pengeluaran permit yang mengklasifikasikan pekerja asing berdasarkan kemahiran dan negara asal yang dikhususkan untuk sektor-sektor tertentu. Sebelum permit dikeluarkan, majikan yang berhasrat untuk mengambil pekerja-pekerja asing perlu mengiklankan jenis pekerjaan tersebut kepada pekerja tempatan terlebih dahulu. Sekiranya pekerjaan tersebut tidak diisi oleh pekerja tempatan, pihak majikan boleh mengemukakan permohonan mereka kepada Jabatan Imigresen berserta sejumlah deposit sebagai jaminan. Hanya selepas sijil kebenaran dikeluarkan barulah pihak majikan dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja ini. Pekerja asing ini diwajibkan mempunyai pasport dan visa serta lulus pemeriksaan kesihatan di klinik panel atau hospital kerajaan yang telah ditetapkan.

Badan yang bertanggungjawab mengendalikan pemeriksaan kesihatan bagi pekerja-pekerja asing di Malaysia ialah FOMEMA. Pekerja-pekerja asing perlu menjalani pemeriksaan kesihatan di klinik dan hospital yang telah ditetapkan bagi memastikan mereka ini bebas dari sebarang penyakit berjangkit serta sihat bagi melaksanakan tugas mereka (Handbook on Labour Migration in Malaysia, 1999). Keputusan pemeriksaan kesihatan pekerja asing, 1998 – 2000 ditunjukkan dalam Jadual 6.1 seperti di bawah.

Jadual 6.1: Keputusan Pemeriksaan Kesihatan Pekerja Asing, 1998 – 2000

Pemeriksaan Pekerja Asing	1998	1999	2000
Bilangan Pekerja Asing	644,382	524,622	486,598
Bilangan Pekerja Asing Tidak Sihat Dikesan	24,880	13,455	9,292
Peratus Pekerja Asing Tidak Sihat Dikesan	3.9	2.6	1.9

Sumber: Rancangan Malaysia Kelapan, 2001-2005.

Terdapat tiga saluran di mana pengambilan pekerja asing dapat dilakukan iaitu:

- i. membuat permohonan secara individu;
- ii. melalui agensi pekerjaan di Malaysia; dan
- iii. melalui agensi pekerjaan di negara pengeksport pekerja asing tersebut.

Sehingga sekarang, tiada standard gaji (sama ada minimum atau maksimum) yang boleh dijadikan sebagai garis panduan oleh pihak majikan bagi menggaji para pekerja asing ini. Selain

dari gaji pokok, pihak majikan juga dikehendaki membuat caruman dalam KWSP, menyediakan perkhidmatan perubatan di klinik-klinik panel yang terpilih dan lain-lain kemudahan.

6.3 Sistem Pengeluaran Permit

Pekerja asing yang memasuki Malaysia secara sah dapat dikategori berdasarkan permit kerja yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Imigresen. Terdapat tiga jenis permit yang dikeluarkan iaitu pas lawatan kerja sementara, pas lawatan kerja profesional dan pas pengajian. Sewaktu memohon permit, pihak majikan perlu mengenal pasti bakal pekerja yang diperlukan dan menetapkan jenis kerja yang perlu dilakukan oleh pekerja tersebut serta menetapkan tempoh yang diperlukan bagi seseorang pekerja asing yang diambil.

6.3.1 Pas Lawatan Kerja Sementara (Visit Pass for Temporary Employment)

Pekerja yang layak memohon permit jenis ini ialah pekerja yang kurang mahir dan separuh mahir yang berumur di antara 18 – 45 tahun. Pekerja mahir juga layak memohon pas lawatan ini sekiranya gaji yang diterima kurang dari RM1,200. Sejumlah wang deposit perlu dicagarkan sebagai kos bayaran penghantaran pulang sekiranya permit tamat tempoh.

Selain itu pekerja ini juga dikenakan sejumlah levi dengan kadar yang berbeza-beza bergantung tahap kemahiran pekerja tersebut. Kadar levi bagi pekerja kurang mahir di sektor pembuatan adalah di antara RM840 sehingga RM1,200 setahun bagi pekerja separuh mahir dan sehingga

RM1,800 bagi pekerja mahir di sektor yang sama. Hanya warganegara Filipina, Indonesia dan Thailand sahaja dibenarkan memegang pas lawatan ini bagi kerja-kerja sebagai pembantu rumah.

Pas lawatan juga dikeluarkan bagi pekerja-pekerja dari Indonesia, Bangladesh, Filipina, Pakistan dan Thailand yang terlibat dalam sektor pembuatan, perladangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Pas lawatan ini sah untuk tempoh setahun dan boleh diperbaharui sehingga 5 tahun bagi sektor perladangan dan 3 tahun di sektor pembuatan.

6.3.2 Pas Lawatan Kerja Profesional (Visit Pass for Professional Employment)

Hanya pekerja dalam kategori profesional sahaja yang layak diberikan permit pekerjaan jenis ini.

Pas lawatan ini sah untuk tempoh satu tahun. Majikan yang mengambil pekerja profesional ini perlu membayar sejumlah wang sebagai “security bond”.

6.3.3 Pas Penggajian (Employment Pass)

Hanya pekerja mahir yang dibayar gaji minimum RM1,200 yang diambil bekerja secara kontrak sekurang-kurangnya 2 tahun, layak diberikan pas penggajian. Kadar levi yang dikenakan adalah dari RM2,400 bagi pekerja-pekerja teknikal, RM3,600 bagi golongan profesional dan pengurus malah sehingga RM4,800 bagi pengurusan atasan. Pas lawatan ini boleh diperbaharui sehingga 5 tahun. Pekerja yang tergolong dalam kumpulan ini dibenarkan membawa ahli keluarga mereka dengan memohon visa.

6.4 Dasar Pekerja Asing

6.4.1 Pembahagian Mengikut Sektor

Bil.	Sektor	Negara
1.	Pembinaan	Filipina (lelaki), Indonesia, Kemboja, Kazakhstan, Laos, Myanmar, Nepal, Thailand, Turksmenistan, Uzbekistan dan Vietnam
2.	Perkilangan	Filipina (lelaki), Indonesia (perempuan), Kemboja, Kazakhstan, Laos, Myanmar, Nepal, Thailand, Turksmenistan, Uzbekistan dan Vietnam
3.	Ladang/pertanian	Filipina (lelaki), Indonesia, Kemboja, Kazakhstan, Laos, Myanmar, Nepal, Thailand, Turksmenistan, Uzbekistan dan Vietnam
4.	Perkhidmatan - Restoran - Dobi - Pencucian/Pembersihan - Kedi Golf - Pulau Peranginan	Semua negara sumber bagi jawatan pekerja am (kecuali India – tukang masak sahaja) Restoran di bandar-bandar utama sahaja iaitu: - Ipoh - Johor Bahru - Lembah Klang - Melaka - Pulau Pinang - Seremban Semua negara kecuali India dan Indonesia Semua negara kecuali India dan Indonesia Semua negara kecuali India dan Indonesia Semua negara kecuali India dan Indonesia

Bil.	Sektor	Negara
	• Rumah kebajikan • Kargo • Tukang gunting • Pemasangan Kabel	Semua negara kecuali India dan Indonesia Semua negara kecuali India dan Indonesia India sahaja India sahaja
5.	Pembantu Rumah	Sri Lanka, Indonesia, Thailand, Filipina dan Kemboja
6.	Jururawat Asing	Albania, India, Bangladesh, Filipina, Pakistan, Indonesia dan Myanmar

6.4.2 Industri Yang Tidak Berorientasikan Eksport Tetapi Dibenarkan Mengambil Pekerja Asing

- (a) Industri berasaskan kayu
- (b) Industri perabot
- (c) Industri berasaskan getah
- (d) Industri berasaskan plastik
- (e) Industri bahan-bahan binaan
- (f) Industri besi, keluli dan galian
- (g) Industri seramik
- (h) Industri pakaian
- (i) Industri kasut (footwear)
- (j) Industri fabrikasi dan kejuruteraan
- (k) Industri berkaitan dengan sektor perkilangan
- (l) Kuari dan bitumen

Dengan syarat-syarat berikut :

- (i) Jumlah jualan setahun RM2 juta ke atas
- (ii) Modal berbayar syarikat minima RM100,000
- (iii) Nisbah pekerja yang dibenarkan ialah 1 tempatan:1 asing

6.4.3 Tempoh Pekerja Asing Dibenarkan Pekerja

Pekerja asing hanya dibenarkan bekerja selama tiga tahun sahaja dan boleh dilanjutkan setahun ke setahun sehingga ke tahun kelima sahaja atas permintaan majikan.

6.4.4 Lanjutan Lepas Tahun Kelima

Majikan boleh memohon untuk melanjutkan permit kerja pekerja asing mereka melebihi lima tahun bagi pekerja asing yang dianggap mahir sebagai pekerja mahir. Walau bagaimanapun, penentuan kemahiran seseorang pekerja asing adalah melalui ujian yang dijalankan oleh Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan (MLVK) di Kementerian Sumber Manusia bagi membolehkan pekerja asing berkenaan bekerja di negara ini untuk tempoh melebihi lima tahun.

6.5 Halangan Pelaksanaan Polisi

Strategi dan polisi pengendalian pekerja asing di Malaysia telah dirangka melalui beberapa proses. Walaupun pelbagai polisi dan program telah direka semenjak negara mencapai

kemerdekaan, namun tiada satu pun boleh dianggap komprehensif. Langkah-langkah pengawalan dan usaha menghalang kemasukan pendatang tanpa izin ini telah menemui kegagalan. Sebagai contoh selepas Perjanjian Medan dimeterai, rakyat Indonesia terus memasuki Malaysia secara haram dan bekerja tanpa permit terutamanya di sektor perladangan. Angka ini meningkat dari masa ke masa. Sehingga tahun 1995 dianggarkan lebih dari 1 juta warganegara asing masuk ke Malaysia. Dari jumlah tersebut hanya 391,055 adalah pekerja yang berdaftar dan mempunyai permit pekerjaan yang sah antara bulan Jun 1992 hingga Jun 1995.

Tiada tindakan dan pemantauan yang dilakukan oleh pihak berkuasa bagi mengawal peningkatan kemasukan warga asing sebelum tahun 1980-an. Walaupun terdapat laporan akhbar mengenai kehadiran mereka serta kesan negatif yang ditinggalkan ke atas masyarakat setempat, tiada tindakan segera diambil bagi mengatasi permasalahan ini. Mereka beranggapan bahawa kemasukan pendatang asing ini hanyalah bersifat sementara dan mereka ini akan kembali semula ke negara asal mereka selepas impian yang diidamkan tercapai. Walaupun terdapat sebilangan polisi yang diambil, namun ianya sukar di laksana memandangkan kebanyakan dari migran yang masuk adalah dari Indonesia yang mempunyai banyak persamaan dari segi fizikal dan budaya.

Selain itu prosedur kemasukan yang kompleks turut menyumbang kepada peningkatan pendatang tanpa izin di negara ini. Keadaan ini menyebabkan pihak majikan lebih gemar mengambil pekerja-pekerja asing yang dibawa masuk secara tidak sah kerana pengambilan mereka tidak melibatkan kos yang tinggi dan tidak mengambil masa yang lama serta tidak melibatkan prosedur kemasukan yang rumit.

Usaha pihak berkuasa untuk mendaftarkan pekerja-pekerja asing yang masuk secara tidak sah juga turut menemui kegagalan. Kos pendaftaran pekerja perlu ditanggung oleh pihak majikan. Bagi mendaftarkan seorang pekerja ini pihak majikan perlu membayar kos pemeriksaan perubatan, membayar “bank guarantee” sebanyak RM250, yuran bagi mendapatkan permit sebanyak RM20 bagi tempoh setahun dan bayaran visa sebanyak RM15. Oleh itu kos yang perlu ditanggung oleh majikan untuk mendaftarkan seorang pekerja adalah di antara RM470 hingga RM580. Sekiranya pendaftaran tersebut melibatkan jumlah pekerja yang ramai, maka kos yang terlibat adalah amat besar dan membebankan pihak majikan.

Selain itu pihak majikan lebih gemar mengambil pekerja asing yang tidak sah adalah kerana pekerja-pekerja tersebut sanggup menerima upah yang rendah dan sanggup bekerja di ladang-ladang dan kawasan pembinaan yang melibatkan kerja-kerja yang bahaya, kotor dan sukar (3D – dirty, difficult and dangerous). Mengambil pekerja asing yang tidak sah juga bermakna mereka tidak perlu terikat dengan kontrak bekerja selama dua tahun. Ini memudahkan pihak majikan mengambil dan membuang pekerja yang rata-ratanya bekerja untuk jangka masa yang pendek.

Bagi mendapatkan pekerja asing dari agensi pekerjaan yang sah, purata kos yang perlu dibelanjakan oleh pihak majikan ialah antara RM2,500 hingga RM4,000 bagi setiap seorang pekerja. Keadaan ini menggalakkan lagi wujudnya agensi-agensi pekerjaan yang beroperasi secara haram. Pada tahun 1996 bilangan agensi pekerjaan yang tidak berdaftar meningkat sehingga 600 buah berbanding 59 buah agensi pekerjaan berdaftar pada tahun 1994. Kos mengambil pekerja asing melalui agensi pekerjaan tidak berdaftar adalah jauh lebih murah

berbanding agensi pekerjaan yang berdaftar. Faktor inilah yang menyebabkan, agensi pekerjaan yang mengambil pekerja asing dibubarkan bagi sektor perkhidmatan domestik dan peruncitan.

Usaha untuk mendaftarkan pekerja asing juga turut dibatasi oleh beban tugas Jabatan Imigresen yang banyak. Jabatan ini dibebani dengan kerja-kerja pemprosesan permohonan dari sektor ekonomi yang pelbagai serta permasalahan peraturan dan perundangan yang kerap berubah-ubah. Kekurangan kakitangan telah menyebabkan beban tugas ini tidak dapat di laksana dengan cekap dan berkesan. Selain itu proses pendaftaran juga melibatkan kos dan perbelanjaan yang tinggi. Sebagai contoh, di bawah Ops Nyah I dan Ops Nyah II kos yang ditanggung oleh Kerajaan dalam proses pendaftaran pekerja-pekerja asing ini dianggarkan berjumlah lebih dari RM8 juta (Azizah Kassim, 1995). Kos-kos ini terdiri daripada kos pengangkutan ke depoh tahanan di seluruh negara, perbelanjaan ketika dalam tahanan serta kos penghantaran pulang ke negara-negara asal pekerja ini.

Faktor geografi juga turut membatasi keberkesanan polisi dan program yang telah dirancang. Perairan negara yang panjang ditambah pula dengan kekurangan kakitangan pasukan beruniform (polis dan tentera) menyukarkan lagi tugas-tugas menghalang kemasukan pendatang asing ini. Adalah mustahil bagi pasukan ini untuk mengawal sempadan negara dengan adanya kemudahan komunikasi yang canggih dan kemudahan pengangkutan yang menjimatkan masa. Sebagai contoh antara 3 Disember 1991 hingga 31 Disember 1994, di bawah Ops Nyah I pasukan polis berjaya memintas seramai 1,534 pendatang tanpa izin setiap hari.

Selain itu peranan orang tengah (middlemen) seperti tekong darat dan laut, turut menjadi penghalang usaha untuk membanteras kemasukan pendatang tanpa izin ini. Tekong-tekong ini sentiasa berjaga-jaga dan mahir tentang selok-belok perairan negara bagi menjalankan operasi mereka.

Berikut adalah ringkasan faktor-faktor yang menjadi penghalang usaha-usaha kerajaan bagi membanteras kemasukan pendatang tanpa izin:

1. Prosedur pengambilan pekerja secara sah melibatkan kos yang tinggi, mengambil masa yang lama, terlalu ketat dan karenah birokrasi di negara penerima dan penghantar.
2. Polisi dan prosedur mengenai pengambilan pekerja asing yang sentiasa berubah menyebabkan pihak berkuasa gagal untuk melaksanakan tugas-tugas mereka dengan berkesan.
3. Kekurangan kakitangan dan kemudahan telah menyebabkan undang-undang yang sedia ada tidak dapat dikuatkuasakan secara menyeluruh dan berkesan.
4. Sikap rakyat Malaysia yang prihatin, baik hati dan berperikemanusiaan turut menyukarkan lagi usaha untuk menangkap pendatang tanpa izin ini.
5. Sempadan (darat dan laut) yang panjang memudahkan lagi kemasukan mereka ini. Selain itu latar belakang kaum etnik yang pelbagai menyukarkan lagi pihak berkuasa mengenal pasti identiti pendatang tanpa izin.